

12 AUG 1997

Bosnia-Bosic

PEMIMPIN SERB KAGUM RANCANGAN PEMBANGUNAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Bersama Majlis Menteri-menteri Bosnia dan Herzegovina Boro Bosic berkata sebuah negara yang mempunyai perancangan dan membentuk masa depan yang baik sudah tentukan akan berjaya.

"Kami amat kagum dengan wawasan kerajaan Malaysia dan cara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membentuk masa depan negara ini," katanya pada jamuan tengah hari anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di Carsosa Seri Negara di sini hari ini bagi meraikan lawatan beliau dan seorang lagi pengerusi bersama majlis itu Haris Siladjic.

Ketika bercakap melalui seorang penterjemah, Bosic yang mewakili masyarakat Serb, berkata selepas berada di sini sejak Ahad lepas, beliau mendapati bahawa Malaysia telah menemui formula terbaik untuk menyelesaikan semua masalah politik dan ekonomi.

Paling penting, katanya, ialah beliau dan anggota rombongannya yang lain mendapati bahawa rakyat dan kerajaan Malaysia sedar bahawa hanya perkongsian kekayaan secara adil dapat menjamin kestabilan politik sesebuah negara.

"Kami juga berpeluang melihat sendiri bahawa Malaysia sebuah negara yang dinamik. Terdapat banyak projek pembinaan di Kuala Lumpur dan kami percaya begitu juga di seluruh negara," katanya.

Bosic berkata lawatan itu telah memberi peluang kepada mereka memahami perancangan untuk pembangunan di Malaysia.

"Wawasan 2020 dan Koridor Raya Multimedia, yang diilhamkan oleh Dr Mahathir, 20jelas menunjukkan kebolehan kepimpinan negara ini membentuk dan merancang masa 20depan Malaysia," katanya.

Siladjic yang mewakili masyarakat Islam Bosnia, pula berkata beliau yakin bahawa lawatan itu akan mewujudkan lebih banyak perjanjian antara usahawan kedua-dua negara ke arah memulihkan ekonomi di negaranya.

Terdahulu, Bosic dan Siladjic, menghadiri penerangan ringkas di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. -- BERNAMA

ZAB NN MAI